

TAK ADA KAITAN DENGAN 'NEO-KOLONISME'

# Dr M perjelas hubungan kita dengan Jepun

LONDON, Rabu — Hubungan rapat antara Malaysia dan Jepun sekarang tidak ada kaitan dengan "neo-kolonisme", kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, hubungan dengan Jepun adalah semata-mata untuk mempelajari dari orang lain tentang amalan dan etika yang telah menyumbangkan kepada kemajuan mereka.

"Orang Jepun nampaknya telah membangun dengan menakjubkan sejak kekalahan mereka dalam Perang Dunia Kedua dan kita ingin mempelajari dari pengalaman mereka," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Bellau menekankan soal itu dalam temuramah dengan sebuah akhbar pelajar Universiti Cambridge, *Stop Press*, yang disiarkan baru-baru ini.

Dalam temuramah dengan Encik Mohamad Karim Mohamad Raslan, seorang pelajar dari Malaysia yang menjadi pengarang akhbar itu, Perdana Menteri juga secara terbuka memberi pendapat bahawa tidak banyak yang boleh dibanggakan di Britain berbanding dengan Jepun dalam tahun 80-an.

Katanya, Malaysia tidak mampu mengadakan kemewahan seperti Britain, seperti etika kerja yang tidak baik, tidak amanah dan kurang disiplin.

"Mungkin sekiranya kita benar-benar kukuh kelak, kita juga mungkin terbahit dengan perkara-perkara seperti ini," tambahnya.

Mengenai arahnya yang tidak menggalakkan pembelian barang-barang buatan British,

Perdana Menteri berkata, pada masa lalu, hubungan Malaysia dengan Britain adalah atas andaiian bahawa Britain mengetahui dengan tepat apa yang diperlukan oleh Malaysia dan kita perlu mendapat bimbingan terus darinya.

Datuk Seri Dr Mahathir menekankan, dasarnya yang baru adalah semata-mata bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara merdeka yang berpendirian sendiri, bebas dari pengaruh atau belenggu kuasa penjajah yang lama.

Bellau mengakui Britain sekarang telah mengubah sikap mereka. Pandangan bellau juga dipersetujui oleh rakan-rakan sejawatnya dari negara-negara dunia ketiga.

"Ada bukti-bukti tertentu menunjukkan perubahan sikap mereka ini dan mereka telah bersusah-payah menerangkan kepada kita bahawa mereka melayani kita semua sama saja," kata.

Datuk Seri Dr Mahathir ingin melihat Britain memberi kerjasama yang lebih rapat.

"Masanya telah tiba untuk kita menilai pasaran British dan hasil dari apa yang kita beli pada masa lalu. Kita rasa kita harus dibenarkan menjual barangan kita tanpa sebarang bentuk diskriminasi," ujarnya.

Pada masa yang sama, kata bellau, Malaysia juga sedang meninjau pasaran baru dan ini dapat dilihat kepada usah-usaha mengukuhkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negara-negara dunia ketiga yang lain serta negara-negara Arab.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia